

Selasa, 1 Februari, 2011

RM297 juta beri manfaat 153,000 pekebun sawit

KUALA LUMPUR: Sebanyak **RM297 juta diperuntukkan di bawah Skim Bantuan Tanam Semula Sawit dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil** bagi membantu meningkatkan produktiviti serta pendapatan pekebun kecil sawit di negara ini. Skim yang juga projek permulaan (EPP) di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) Sawit itu dijangka memberikan manfaat kepada lebih 153,000 pekebun kecil sawit di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak. Menerusi Skim Bantuan Tanam Semula, pekebun yang mempunyai kebun yang luasnya kurang 40 hektar, akan diberikan peruntukan RM7,000 bagi membersihkan kawasan kebun, pembiayaan anak benih dan perolehan input pertanian. Pekebun yang mempunyai kebun dengan keluasan kurang 2.5 hektar, akan menerima bantuan penyenggaraan bulanan RM500 bagi tempoh dua tahun sementara menunggu penghasilan buah.

Bantuan sama juga diberikan kepada pekebun kecil di bawah Skim Tanam Baru Sawit yang dihadkan lima hektar bagi setiap pekebun dan permohonan terbuka kepada pekebun kecil di Semenanjung, dengan kawasan kebun kurang lima hektar, dan kurang tujuh hektar bagi pekebun kecil di Sabah dan Sarawak. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata kedua-dua skim tanaman itu akan dilaksanakan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang juga agensi di bawah kementerian itu. Katanya, pekebun kecil perlu mendapatkan khidmat nasihat penanaman sawit dan pematuhan Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi memastikan pengeluaran hasil yang tinggi dan berkualiti dalam jangka panjang. "Dalam hal ini, bekalan anak benih sawit diperoleh daripada tapak semaian yang mempunyai Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian Sawit MPOB," katanya dalam satu kenyataan selepas melancarkan skim berkenaan di Ranau, Sabah, semalam.

Selasa, 1 Februari, 2011

MAIM bantu 5,533 rakyat Melaka

MELAKA: Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) mengagihkan kira-kira **RM10,000 setahun bantuan** persekolahan, makanan dan sumbangan hari raya kepada setiap keluarga fakir miskin di negeri ini menerusi peruntukan dana zakat yang dikumpul daripada orang ramai. Timbalan Penggerusi MAIM, Datuk Ghazale Mohamad, berkata secara keseluruhannya, kira-kira RM4 juta disediakan bagi tujuan itu, bagi memastikan kebajikan golongan berkenaan sentiasa terjaga dan terpelihara. Katanya, sehingga November lalu, MAIM meluluskan permohonan 5,533 penduduk negeri ini yang dikategorikan fakir miskin dan 3,293 daripadanya sudah menerima bantuan masing-masing. "Kita berharap bantuan diberikan kepada golongan berhak ini digunakan sebaik mungkin kerana kita tidak mahu anak mereka ketinggalan dalam pelajaran dan sebagainya."

"Jika anak berjaya dalam pelajaran, mereka ini boleh membantu keluarga keluar daripada kemiskinan dan tidak lagi mengharapkan bantuan sepanjang hayat," katanya ketika mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam merasmikan Majlis Penyampaian Bantuan Pakaian Sekolah Anak-anak Fakir Miskin MAIM, di Ayer Molek, dekat sini. Pada majlis berkenaan, 740 kanak-kanak menerima bantuan pakaian sekolah, pembayaran yuran sekolah dan tuisyen bagi mereka yang akan menduduki peperiksaan awam tahun depan. Hadir sama, Pengarah Jabatan Pelajaran negeri, Juliah Leman; Pegawai Daerah Melaka Tengah, Zawiyah Mat Dom; Pengurus Besar Tabung Amanah Pendidikan Melaka, Abu Bakar Abdul; dan Setiausaha MAIM, Abdul Yusof Abu Bakar. Ghazale berkata, MAIM akan membayar terus yuran persekolahan murid sekolah rendah sebanyak RM80 dan RM120 untuk sekolah menengah kepada pengurusan sekolah bagi memudahkan ibu bapa kanak-kanak terbabit, manakala enam pusat tuisyen dilantik sebagai panel pusat itu.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengenal pasti 4,329 pelajar fakir miskin dibantu dengan membabitkan kos kira-kira RM463,000. Sementara itu, seorang penerima bantuan, Norazah Rahmat, 36, berkata sumbangan diberikan MAIM kepada tiga anaknya yang bersekolah rendah dan menengah itu, dapat mengurangkan beban suaminya yang bekerja di Taman Rempah. Katanya, beliau turut bersyukur kerana kerajaan turut memberi bantuan makanan RM150 sebulan sejak dua tahun lalu. Ibu tunggal, Dewilia Ahmad, 27, berkata bantuan persekolahan yang diberi kepada tiga anaknya yang bersekolah rendah dapat membantu mengurangkan beban ditanggungnya ketika ini. "Saya bekerja sebagai pembantu jualan dengan pendapatan RM500 sebulan dan tidak mampu menyediakan semua peralatan sekolah anak," katanya yang turut menerima bantuan MAIM sebanyak RM100 dan JKM sebanyak RM190 sebulan.

Rabu, 2 Februari, 2011

Melaka rancang bina empangan, kolam takungan

MELAKA TENGAH: Kerajaan negeri merancang membina empangan dan kolam takungan tambahan di tiga kawasan berisiko di negeri ini bagi mengelak kejadian banjir berulang pada masa depan. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata sebuah empangan bersaiz sederhana dicadang dibina di Sungai Gadek dan kolam takungan banjir di Belimbang Dalam, Alor Gajah dan di Lipat Kajang, Jasin. "Saya akan menghantar surat permohonan kepada menteri berkaitan esok bagi memaklumkan semula cadangan itu bersama makluman mengenai risiko yang terpaksa ditanggung sekiranya projek mengatasi banjir ini tidak dilaksanakan," katanya selepas melawat pusat pemindahan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Munsyi Abdullah, Batu Berendam di sini, semalam. Seramai 729 mangsa banjir dari Taman Merdeka Jaya dan Taman Angkasa Nuri di sini, terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara terbabit bermula jam 12 malam kelmarin. Mohd Ali berkata, kerajaan negeri sebelum ini bercadang meneruskan projek pembinaan kemudahan mengatasi banjir bagi fasa kedua, selepas menerima **peruntukan daripada Kerajaan Pusat berjumlah RM128 juta**.

Rabu, 2 Februari, 2011

Mangsa banjir tak jujur ganggu kelancaran agihan wang ihsan

SUDAH lebih dua bulan banjir besar yang melanda Kedah berlalu. Namun, kesan bencana yang disifatkan paling dahsyat dalam tempoh 40 tahun itu masih dirasai apabila dilapor melumpuhkan lima daerah meliputi Kota Setar, Kubang Pasu, Kuala Nerang, Kuala Kedah dan Pendang. Apa pun, kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ke Kedah pada 9 Disember lalu membawa khabar gembira apabila beliau mengumumkan **bantuan wang ihsan RM500** kepada 32,000 keluarga yang dikenal pasti sebagai mangsa banjir di Kedah dan Perlis. Wang ihsan itu yang disalurkan melalui **peruntukan berjumlah RM30.6 juta** disifatkan rahmat oleh semua mangsa banjir, terutama dalam membantu meringankan beban ditanggung untuk memulakan kehidupan baru selepas dilanda bencana. Namun, sejak lebih seminggu lalu berita kurang enak mula kedengaran. Majlis Keselamatan Negara (MKN) dikatakan lewat menyerahkan agihan wang ihsan kepada kira-kira 16,000 mangsa banjir yang tidak berpindah ke pusat pemindahan sementara, sehingga menimbulkan persoalan banyak pihak.

Malah, tidak kurang menuduh pihak berwajib sengaja mlarikan peruntukan berkenaan untuk dinikmati sendiri, tanpa mengambil kira keadaan mangsa yang begitu memerlukan. Justeru, tidak hairan lebih 50 penduduk dilapor menyerbu Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bakar Bata, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah, yang juga Pengurus Jawatankuasa Khas Banjir Negeri Kedah, Ahad lalu untuk mendapatkan penjelasan berhubung perkara itu. Namun, di sebalik kekalutan itu, MKN kemudian tampil mendedahkan punca sebenar kelewatan pengagihan disebabkan wujud unsur penipuan dalam permohonan bantuan wang ihsan disumbangkan Kerajaan Pusat di Kedah yang dihudu sejak Disember lalu. Penolong Setiausaha MKN negeri, Mejar Haris Mohamed Padzilah, ketika mendedahkan perkara itu berkata, pihaknya mengesan sebahagian nama yang mencurigakan dalam senarai penerima bantuan wang ihsan, sehingga memaksa semakan terperinci. Katanya, MKN sudah menjelaskan, sumbangan wang ihsan akan disalurkan hanya kepada setiap ketua keluarga. Bagaimanapun data diterima menunjukkan ada keluarga yang mendaftar lebih daripada satu permohonan dengan nama ahli keluarga berbeza.

"Misalnya, selain suami, ada nama isteri dan anak tinggal serumah turut mendaftar untuk mendapatkan bantuan. Keadaan itu memaksa MKN menyemak semua senarai yang mencurigakan dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) bagi mengesahkan identiti keluarga berkenaan yang secara tidak langsung menyebabkan kelewatan," katanya. Persoalan sekarang, kenapa perkara sebegini boleh timbul sedangkan syarat pengagihan wang ihsan sudah terlebih dulu dinyatakan kepada semua termasuk JKKKP yang diberi kuasa melakukan bancian mangsa banjir. Mungkinkah ia betul-betul membabitkan kesilapan atau mungkinkah ia sebenarnya kesilapan yang disengajakan? Apa yang pasti, pendedahan dilakukan MKN mampu menjawab segalanya. MKN sendiri percaya ia bukan kesilapan yang tidak disengajakan, sebaliknya dilakukan sesetengah pihak dengan niat mengambil kesempatan daripada bantuan Kerajaan Pusat itu. Persoalannya, di mana naluri kejujuran mangsa banjir terbabit? Adakah nilai murni dan kejujuran tidak lagi penting sehingga ada yang membenarkan tamak menguasai diri sekali gus mengenepikan etika dan akhlak?

Walaupun kes ini bukan dalam kategori jenayah yang boleh dikenakan hukuman namun perbuatan itu hakikatnya tidak wajar dilakukan. Ia sebenarnya menyusahkan banyak pihak dan mencerminkan pemikiran cetek individu terbabit. Bayangkan jika perbuatan itu tidak dikesan. Apa nasib mangsa banjir, terutama yang diklasifikasikan sebagai golongan terdesak dan amat memerlukan, jika peruntukan yang sepatutnya mereka terima diambil individu yang tidak sepatutnya menerimanya. Juga, bayangkan kesukaran MKN mengesan 10,000 kes pendaftaran berulang menerusi sistem pangkalan data yang dikemas kini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, JKPP dan MKN sendiri. Banjir buruk melanda Kedah baru-baru ini menyebabkan lebih 100,000 mangsa di lima daerah terjejas. Tanaman padi juga dilapor mengalami kerosakan sehingga pesawah menanggung kerugian keseluruhan mencecah RM50 juta.

Rabu, 2 Februari, 2011

RM297j bantu pekebun kecil kelapa sawit hingga 2013

RANAU: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi memperuntukkan RM297 juta bagi membantu pekebun kecil kelapa sawit di seluruh negara melalui skim bantuan penanaman semula dan baru dalam Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) mulai tahun ini hingga 2013. Menterinya, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, berkata buat permulaan, kementeriannya menyediakan RM140.2 juta dengan RM112.2 juta untuk membiayai program bantuan penanaman semula di kawasan seluas 15,000 hektar, manakala RM28 juta untuk penanaman baru di kawasan seluas 4,000 hektar tahun ini. Peruntukan awal itu ditawarkan kepada pekebun kecil yang memiliki kebun maksimum 40.46 hektar bagi penanaman semula, manakala bagi penanaman baru kawasan maksimum lima hektar di Semenanjung dan tujuh hektar di Sabah dan Sarawak. "Kerajaan mengenal pasti langkah strategik meningkatkan produktiviti kelapa sawit, termasuk mempercepat penanaman semula pokok sawit berusia lebih 25 tahun yang kini menjangkau keluasan 449,425 hektar dengan 109,083 hektar daripadanya dimiliki pekebun kecil. "Kerajaan juga prihatin terhadap masalah pekebun kecil, khususnya kekangan kewangan bagi membiayai penanaman baru," katanya berucap pada majlis pemimpin bersama pekebun kecil sawit di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Luar Bandar negeri, Datuk Dr Ewon Ebin; Ahli Parlimen Ranau, Datuk Siringan Gubat dan Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May. Dompok berkata, melalui bantuan penanaman semula, pekebun akan menerima bantuan RM7,000 sehektar bagi pembersihan kawasan, membeli benih dan perolehan input pertanian. Pekebun yang memiliki kebun kurang 2.5 hektar dan bergantung sepenuhnya kepada hasil sawit sebagai sumber pendapatan turut layak menerima bantuan penyelenggaraan kebun RM500 sebulan selama dua tahun. Pekebun yang memohon bantuan bagi penanaman baru juga menerima bantuan RM7,000 sehektar, meliputi pembekalan anak benih dan baja untuk tahun pertama dan kedua.

Khamis, 3 Februari, 2011

LKM perlu insentif tingkat pengeluaran

LEMBAGA Koko Malaysia (LKM) memerlukan lebih banyak insentif bagi memastikan kemampaman pengeluaran koko negara, terutama dalam Rancangan Malaysia Ke-sepuluh (RMKe10), sejajar usaha memastikan komoditi itu menyumbang kepada pendapatan negara. Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Azhar Ismail berkata, LKM yang mendapat **subsidi RM60 juta** dalam Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMKe9), hanya mendapat RM24 juta bagi membeli peralatan makmal dan teknologi baru dan RM16 juta bagi menampung subsidi bagi penanaman koko sedia ada. Sehingga kini, katanya Malaysia mempunyai 20,000 hektar tanaman koko di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, yang dianggarkan menyumbang sehingga 20,000 tan biji koko. "Kita memerlukan lebih 60,000 tan biji koko menjelang 2020. Sekarang ini, kita memerlukan 40,000 hektar lagi bagi menampung permintaan yang semakin meningkat," katanya kepada Bernama ketika dihubungi baru-baru ini.

Melalui RM16 juta yang diberi, peruntukan RM6,500 sehektar diberikan kepada penanam koko bagi tempoh lima tahun tetapi jumlah itu didapati tidak mencukupi, kata Azhar. Katanya, sekurang-kurangnya RM10,000 sehektar diperlukan bagi penanaman baru yang mana hasil akan mula diterima selepas tiga tahun. Berbanding insentif yang diterima industri getah dan sawit, koko terpaksa berdepan dengan kekurangan insentif sedangkan tahun lalu, industri koko telah meraih hampir RM4 bilion pendapatan eksport. "Bila tiada bekalan yang mencukupi, pengisar terpaksa mengimport biji koko dari luar dan terpaksa menampung kos pengeluaran yang mahal akibat kekurangan bekalan padahal kita mempunyai banyak tanaman terbiar yang boleh diusahakan untuk penanaman koko," katanya. Buat masa ini, kapasiti pengisaran koko negara dianggarkan 350,000 tan setahun, namun pengeluaran biji koko di Malaysia hanya sekitar 18,000 tan setahun.

Khamis, 3 Februari, 2011

Fokus projek Sungai Muar, Segamat

PAGOH: Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memberi keutamaan kepada projek mendalam dan meluruskan sungai di Johor terutama sepanjang Sungai Muar dan Segamat dengan segera, bagi mengelak berlaku banjir yang buruk. Timbalan Perdana Menteri berkata, projek dilaksanakan adalah langkah susulan kerajaan selepas Johor dilanda banjir pada akhir 2006 dan awal 2007, membabitkan **kos keseluruhan lebih RM4 bilion**. "Saya sudah berbincang dengan Menterinya, Datuk Seri Douglas Unggas dan (masalah) itu bukan saja di Muar tetapi sepanjang Sungai Muar dan Segamat yang sudah dikenal pasti dan ada pelan mengurangkan banjir. "Beberapa tempat sekitar Segamat dan Pagoh dikenal pasti perlu diperdalam dan diluruskan," katanya kepada pemberita selepas meninjau keadaan banjir dan melawat pusat pemindahan mangsa banjir Parlimen Pagoh, di sini semalam. Turut serta, isterinya, Puan Sri Norainee Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Serampang, Tahir Mohd Taat; ADUN Jorak, Datuk Dr Shaharuddin Mohd Salleh dan Pegawai Daerah Muar, Mislan Karmani.

Pada lawatan itu, Timbalan Presiden TSM Charity Golf, Datuk Mustapha Buang, menyampaikan sumbangan RM30,000 kepada Tabung Banjir Pagoh kepada Tahir bagi membantu mangsa banjir sekitar kawasan berkenaan. Ketika ini, seramai 6,422 orang daripada 1,563 keluarga sekitar Parlimen Pagoh ditempatkan ke 35 pusat pemindahan. Muhyiddin berkata, projek itu dijalankan mengikut fasa dan beliau mahu kawasan Sungai Muar dan Sungai Segamat, diberi keutamaan dengan kos dijangka membabitkan lebih RM1 bilion. "Saya sudah melihat pelan dan meminta Douglas memberi keutamaan untuk seluruh Johor kerana kesan banjir 2006 lalu menyebabkan kawasan Johor yang paling teruk dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah mengenal pasti beberapa kawasan termasuk di Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi dan Muar, yang perlu dijalankan projek memperdalam dan meluruskan sungai. "Lebih RM4 bilion diperlukan tetapi kita mengambil kira mana yang boleh diutamakan di Sungai Muar, di sini," katanya. Selain itu, Muhyiddin mengarahkan semua agensi dan jabatan kerajaan memastikan bantuan kepada mangsa banjir disampaikan segera, sama ada menerusi bot atau helikopter ke pedalaman yang terputus hubungan menerusi jalan darat. Muhyiddin juga mahu kaum Cina yang terpaksa meraikan Tahun Baru Cina di pusat pemindahan diberi perhatian dengan mengadakan program dan penyampaian hamper supaya mereka tidak kecewa berikutan tidak dapat menyambutnya di rumah.

Sabtu, 5 Februari, 2011

Tiada dana punca jalan raya teruk

KUCHING: **Tiada peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan** dikenal pasti antara punca sesetengah jalan raya di kawasan utara Sarawak berada dalam keadaan agak teruk. Peruntukan besar yang diberikan bagi projek infrastruktur di Sarawak hanya untuk tujuan pembangunan iaitu membina jalan baru dan bukan bagi penyelenggaraan atau memperbaiki jalan sedia ada yang sudah rosak. Itu antara isi kandungan laporan yang bakal didedahkan kepada umum oleh Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak, minggu depan. Menterinya, Datuk Seri Michael Manyin Jawong, berkata laporan itu susulan kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika majlis makan malam dan sesi dialog di Bandar Seri Begawan, pada 26 Januari lalu yang menyifatkan jalan di utara Sarawak agak teruk dan 'memalukan', sekali gus mahu tahu puncanya. "Setakat ini saya cuma boleh beritahu semua puncanya menjurus kepada soal wang," katanya ketika ditemui pada majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), di sini semalam.

Manyin berkata, jalan yang dimaksudkan Timbalan Perdana Menteri adalah dari Limbang ke Brunei dan beliau sendiri menyedari keadaan itu serta berterima kasih kepada Muhyiddin kerana membuat teguran berkenaan, sekali gus memberi ruang kepada pihak kerajaan negeri memberi penjelasan dan memohon peruntukan untuk penyelenggaraan. "Ramai sebenarnya yang membuat bising mengenai keadaan jalan di Sarawak. Kita sebenarnya memerlukan peruntukan yang lebih besar. "Saya akui kita terima peruntukan besar tahun lalu, namun ia bukan peruntukan bagi penyelenggaraan, tetapi untuk membina jalan baru," katanya. Sementara itu, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, bersetuju peruntukan lebih besar diperlukan bagi menaik taraf jalan bukan saja di Sarawak, malah Sabah dan dalam kes jalan di utara Sarawak khususnya Limbang, terlalu banyak kenderaan berat menggunakan selain faktor cuaca menyebabkan ia cepat rosak.

"Jalan di Sarawak dibina untuk tempoh tahan selama 10 tahun dan perlu diselenggara, dinaiktaraf serta dibaiki selepas itu. "Masalahnya kenderaan melebihi had muatan termasuk lori balak terlalu banyak melalui jalan terbabit sehingga ia lebih cepat rosak," katanya sambil turut merujuk kepada Jalan Bakun. Beliau berkata, jalan yang dibina di Sarawak ada dua standard iaitu untuk mewujudkan akses kepada lebih banyak kawasan kampung dan pedalaman Sarawak yang mutunya agak rendah, manakala satu lagi ialah jalan perhubungan antara bandar yang mutunya lebih baik. Yong turut meminta pihak berkuasa berkaitan terutama JPJ meningkatkan penguatkuasaan serta bertindak tindakan tegas terhadap lori membawa muatan melebihi had yang menggunakan jalan berkenaan.

Sabtu, 5 Februari, 2011

RM297j untuk pekebun kecil tanam semula dan baru sawit

RANAU: Kerajaan memperuntukkan **RM297** juta untuk pekebun kecil menanam semula dan tanam baru sawit pada tahun 2011 sebagai melaksanakan '**Entry Point Projects 1 - EPP1**' yang dikenal pasti bagi menjana pendapatan di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA). Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata demikian ketika melancar Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) sempena Program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil di sini baru baru ini. Beliau berkata, melalui skim TSSPK dan TBSPK, pekebun kecil sawit yang layak akan menerima bantuan sebanyak RM7,000 bagi setiap hektar tanaman sawit yang diusahakan. "Objektif skim TSSPK adalah untuk merealisasikan EPP1 iaitu menyelesaikan aktiviti penanaman semula yang tertangguh bagi pokok sawit berumur melebihi 25 tahun dan tidak produktif." "Kerajaan mensasarkan seluas 15,000 hektar tanaman sawit kebun kecil akan ditanam semula pada tahun 2011 atau 13.75 peratus daripada keluasan berjumlah 109,083 hektar kebun kecil yang telah menjangkau umur 25 tahun." "Melalui pelaksanaan EPP1 itu dianggarkan sektor sawit berupaya menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) berjumlah RM4.6 bilion menjelang 2020."

Tan Sri Bernard Dompok berkata, bantuan RM7,000 sehektar itu meliputi kos penyediaan tapak seperti menebang dan meracik pokok tua, membaris, membina teres/parit, membeli dan mananam anak benih, membaja dan meracun. "Melalui skim TSSPK dan penggunaan anak benih berkualiti serta mengamalkan amalan pertanian baik akan berupaya meningkatkan produktiviti pekebun kecil dan merealisasikan sasaran pencapaian purata nasional hasil buah sawit sebanyak 26 tan/ha pada tahun 2020," katanya. "Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK) sebanyak RM500 sebulan selama 24 bulan dan akan disalurkan kepada pekebun kecil yang lulus bantuan di bawah skim TSSPK." "Kita mensasarkan akan menyalur BPK ini kepada 1,200 pekebun kecil yang memiliki keluasan maksima 2.5 hektar tanaman sawit dan memenuhi syarat lain yang ditetapkan sahaja pada tahun ini," katanya. Sebelum itu, beliau menjelaskan sehingga Disember 2010 dikenal pasti sejumlah 449,415 hektar tanaman sawit seluruh negara telah mencapai umur 25 tahun dan perlu melakukan tanam semula di bawah EPP1. "Keluasan itu melibatkan 109,083 hektar pekebun kecil sawit dan 340,332 hektar sektor ladang dan kita menjangka akan berupaya melakukan penanaman semula dalam tempoh tiga tahun," katanya. Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Parlimen Ranau, Datuk Siringan Gubat; ADUN Paginatan merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Dr Ewon Ebin; ADUN Kundasan, Dr Joachin Gunsalam dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Isnin, 7 Februari, 2011

'Kos Operasi Piramid RM30 juta'

KUALA LUMPUR: Usaha membawa pulang lebih 9,000 rakyat Malaysia di Mesir membabitkan **kos operasi lebih RM30 juta** yang ditanggung sepenuhnya kerajaan selain tanggung jawab sosial korporat syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia. Timbalan Menteri Luar, Senator A Kohilan Pillay, berkata kos itu tidak termasuk peruntukan penginapan, pengangkutan, makan, minum dan lain-lain kos yang perlu ditanggung bagi memastikan kebajikan serta keselamatan pelajar sepanjang misi berkenaan terpelihara. "Pembangkang cakap senang (dakwa kerajaan tidak ada wang membiayai usaha membawa rakyat Malaysia pulang dari Mesir), kos operasi saja paling kurang RM30 juta, tidak termasuk cukai lapangan terbang, pengendalian pesawat di lapangan terbang, kos bahan api, makan, minum, penginapan dan pengangkutan. "Saya fikir kalau dicampur semua lebih RM30 juta, bagaimana pun kos rasmi kita akan tahu selepas operasi menyelamat ini selesai," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perasaan kesal Perdana Menteri terhadap dakwaan kononnya kerajaan tidak mempunyai wang bagi membiayai usaha membawa pulang rakyat Malaysia dari Mesir. Datuk Seri Najib Razak kelmarin menyifatkan dakwaan itu sebagai pembohongan dan fitnah besar dari pihak tidak bertanggungjawab yang cuba mempolitisasi isu itu bagi mengelirukan rakyat. Mengulas lanjut, Kohilan berkata maklum balas yang diperoleh pihaknya sepanjang operasi menyelamat di Mesir mendapati rakyat Malaysia terutama pelajar memahami dan menghargai usaha kerajaan membantu mereka. "Mereka yang berada di sana faham situasi yang dilalui kerajaan untuk membantu mereka, bagaimana kesukaran untuk menyampaikan maklumat, penyediaan makanan dan pengangkutan." Ramai yang faham dan berterima kasih kepada kerajaan. "Mereka berpuas hati dan melihat sendiri kesungguhan kerajaan membantu kerana ramai rakan dari negara lain tidak dapat keluar dari Mesir kerana pelbagai masalah termasuk kerentak birokrasi," katanya.

Isnin, 7 Februari, 2011

755 dapat bantuan RM151,000

ALOR GAJAH: Seramai 755 keluarga mangsa banjir di tujuh kampung di sekitar daerah ini menerima **bantuan RM151,000 daripada kerajaan negeri** yang disampaikan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam. Majlis penyampaian bantuan RM200 untuk setiap keluarga dari Kampung Belimbang Dalam, Beringin, Bukit Balai, Panchor, Gangsa, Kampung Pulau dan Taman Angkasanuri itu berlangsung di dua lokasi berasingan iaitu di Dewan Majlis Kebudayaan, Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan (MAKSAK) dan Balai Raya Kampung Belimbang Dalam dekat sini. Mohd Ali berkata, bantuan yang diberikan itu antara usaha kerajaan negeri untuk meringankan beban yang ditanggung berikutan musibah berkenaan. Beliau berkata, Melaka memerlukan peruntukan RM2 bilion bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. "Peruntukan ini bagi pembinaan benteng tambahan tebatan banjir di kawasan terbabit terutama membina empangan dan kolam takungan banjir di Sungai Gangsa dan Belimbang Dalam di Alor Gajah," katanya.

Sementara itu, mangsa, Rumli Yunus, 62, dari Kampung Belimbing Dalam, ber kata sumbangan itu menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap rakyat yang memerlukan bantuan. "Sumbangan ini juga tanda pihak berkenaan berkongsi masalah dengan mangsa banjir. Paling penting, semangat turun padang orang politik terutama wakil rakyat yang berkongsi penderitaan penduduk," katanya.

Rabu, 9 Februari, 2011

‘Dedah laporan audit PKNS, Yayasan Selangor’

SHAH ALAM: Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dicabar mendedahkan laporan siasatan audit terhadap dua syarikat anak kerajaan negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Yayasan Selangor. Timbalan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Seri Noh Omar, berkata Abdul Khalid sebelum ini berjanji untuk mengedarkan kepada umum laporan itu pada 5 Januari lalu, tetapi hingga kini, belum berbuat demikian. "Saya cabar Abdul Khalid dedahkan laporan audit berkenaan agar rakyat tahu kedudukan sebenar kewangan dua anak syarikat kerajaan negeri ini. Tidak usah lagi bermain wayang kulit dan terus menipu rakyat," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan audit itu dipercayai dilakukan berikutan kontroversi perbelanjaan membabitkan kedua-dua syarikat kerajaan negeri itu, baru-baru ini. Katanya, antaranya **Yayasan Selangor disiasat berikutan perbelanjaan RM300,000** bagi majlis ulang tahunnya ke-40 sehingga menyebabkan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah membatalkan hasrat berangkat ke majlis itu kerana dukacita dengan kos penganjuran. Selain itu, katanya, semua aktiviti membabitkan Jabatan Perhubungan Awam PKNS pula dibekukan berikutan dakwaan salah guna kuasa termasuk tajaan jamuan majlis perkahwinan Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor yang dilaporkan bernilai lebih RM500,000. Noh berkata, pelantikan individu muflis ke jawatan pengurusan kanan dalam Yayasan Selangor seperti didedahkan sebuah blog, menunjukkan Abdul Khalid tidak mengamalkan ketelusan kerana mengutamakan kronisme.

Rabu, 9 Februari, 2011

Untung koko mampu capai RM4 b

PENDAPATAN daripada tanaman koko dijangka meningkat kepada lebih **RM4 bilion** tahun ini disokong Program Koko Rakyat yang membabitkan lebih 14,000 pekebun kecil komoditi itu seluruh negara. Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainuddin, sejak program berkenaan dilancarkan tahun lalu, sumbangan komoditi itu kepada pendapatan negara menyaksikan peningkatan. Tahun lalu, katanya tanaman itu menyumbang pendapatan RM3.9 bilion, meningkat dari RM3.2 bilion pada 2009. Beliau berkata, tanaman koko mempunyai potensi yang besar yang mana di dalam negara saja permintaannya adalah kira-kira 400,000 tan setahun. Namun, katanya program itu setakat ini hanya mampu menghasilkan kira-kira 20,000 tan setahun dan keperluan selebihnya terpaksa diimport.

"Industri koko kini amat memerlukan penambahan pengeluaran biji koko kering bagi memenuhi permintaan kilang pengisar. "Pelbagai usaha sedang dilakukan bagi meningkatkan pengeluaran koko melalui peningkatan produktiviti dan penambahan keluasan tanaman," katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek pembangunan komuniti koko Selangor di Bukit Kerayong, di sini, semalam. Hadir sama Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia, Datuk Azhar Ismail. Hamzah berkata, sehingga Disember tahun lalu terdapat kira-kira 20,359 hektar ladang koko di seluruh negara. Katanya, saiz ladang itu masih kecil berikutan tindakan pekebun menukar tanaman koko kepada aktiviti ekonomi lain termasuk tanaman sawit. "Saya mengajak pekebun kembali semula dalam sektor koko kerana harga purata komoditi ini sudah mencecah RM9,500 satu tan dan mampu memberi pendapatan lumayan walaupun saiz tanah mereka kecil. "Harga koko dijangka kekal pada paras tinggi untuk tempoh lama berikutan situasi tidak stabil di Ivory Coast, pengeluar koko terbesar dunia," katanya.

Khamis, 10 Februari, 2011

RM6 b beli kapal TLDM rasional

KUALA LUMPUR: **Peruntukan RM6 bilion** bagi membeli enam unit kapal peronda generasi kedua (SGPV-LCS) bagi kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) disifatkan sebagai rasional dalam usaha meningkatkan keupayaan ketumbukan itu. Panglima TLDM, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar, berkata pembelian kelengkapan dan peralatan baru itu juga menepati keperluan semasa, khususnya dalam keadaan tugas melindungi kedaulatan perairan negara yang semakin mencabar. "Belanja RM6 bilion itu munasabah kerana ia bukan saja merangkumi kos pembinaan setiap unit kapal berkenaan, malah turut mengambil kira kos pemasangan sistem persenjataan, teknologi radar dan peralatan lain berkaitan. "Jadi, tidak wajar membandingkan jumlah perbelanjaan itu dengan kos dikeluarkan negara lain untuk membeli kapal. Amerika Syarikat, New Zealand, Perancis dan Australia mempunyai kepakaran sendiri dalam membina peralatan ketenteraan, termasuk kapal peronda berbanding kita," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Beliau berkata bagi menyangkal dakwaan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua dalam blognya berhubung kos dibelanjakan kerajaan untuk membeli enam SGPV-LCS adalah 870 peratus mahal dari negara lain. Beliau mendakwa peruntukan RM6 bilion itu amat tidak munasabah berbanding perbelanjaan dikeluarkan negara seperti Amerika Syarikat, Ireland, Jerman dan Israel. Ahli Parlimen DAP itu mendakwa pembelian kapal peronda pesisir pantai (OPV) oleh Tentera Laut Diraja New Zealand tahun lalu hanya bernilai NZ\$90 juta (RM210 juta) setiap satu. Kapal Roisin Class buatan Ireland dikatakan hanya bernilai AS\$34 juta (RM103 juta); Super Vita dari Greek bernilai AS\$108 juta (RM329 juta); Type 130 dari Jerman (AS\$188 juta atau RM572 juta), manakala Saar V dari Israel bernilai AS\$260 juta atau RM791 juta. Abdul Aziz berkata, kos dinyatakan ahli pembangkang itu tak tepat kerana ia tidak merangkumi semua kos pembinaan dan pemasangan pelbagai peralatan diperlukan dalam sebuah kapal peronda atau kapal perang. "Perbandingan harga juga tidak munasabah kerana kos dibelanjakan negara terabit bukan pada kadar terbaru," katanya.

Khamis, 10 Februari, 2011

Kos Operasi Piramid dijangka cecah RM50j

SEPANG: Kos memindahkan dan membawa keluar kira-kira 7,000 rakyat dan pelajar Malaysia dari Mesir menerusi Operasi Piramid **dijangka mencecah sehingga RM50 juta**, kata Timbalan Menteri Luar, Senator A Kohilan Pillay. Beliau berkata, kos berkenaan tidak termasuk peruntukan penginapan, pengangkutan, makan, minum dan perbelanjaan lain yang perlu ditanggung bagi memastikan kebajikan serta keselamatan pelajar sepanjang misi berkenaan terpelihara. "Dalam keadaan krisis sebegini, apa yang lebih utama adalah keselamatan warga Malaysia diutamakan dahulu. Kos yang ditanggung kerajaan tentulah tinggi dengan anggaran sebelum ini kira-kira RM50 juta kerana pelajar Malaysia adalah komuniti rakyat asing terbesar di Mesir. "Sebahagian kos berkenaan turut ditanggung oleh Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat mereka," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita sejurus tiba bersama sebahagian daripada 1,439 pelajar dan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dari Jeddah dengan menaiki tiga pesawat Saudi Airlines dan sebuah pesawat MAS di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Kohilan berkata, sehingga semalam, seramai 2,794 pelajar dan rakyat Malaysia yang dipindahkan ke Jeddah, Arab Saudi sudah dibawa pulang ke tanah air dengan menggunakan pesawat sewa khas MAS, AirAsia dan Saudi Airlines. "Kita yakin semua 3,864 rakyat Malaysia yang masih berada di Jeddah akan dibawa pulang ke tanah air selewat-lewatnya pada Ahad ini, dengan menggunakan pesawat MAS. "Malah, hari ini saja (semalam) kita membawa pulang 1,439 pelajar dari Jeddah dengan menggunakan pesawat MAS dan Saudi Airlines. "Saya juga mengarahkan Pejabat Kedutaan di Mesir supaya sentiasa memantau pergerakan dan tahap keselamatan kira-kira 2,000 pelajar Malaysia yang enggan pulang ke sini," katanya

Jumaat, 11 Februari, 2011

Kerja naik taraf jalan tiada pengawasan tak ikut spesifikasi

TERLEBIH dulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan yang prihatin dengan masalah rakyat yang perlukan kemudahan jalan raya. Dengan keprihatinan kerajaan, projek melebarkan jalan dari satu hala ke dua hala sudah diluluskan dengan nilai kira-kira **RM3.2 juta**. Projek itu ialah melebarkan jalan dari Kampung Ulu Parit ke Kampung Ketapang. Ia sudah bermula pada Mac tahun lalu dan dijangka siap pada Mac ini yang ketika ini masih dalam pembinaan. Ada antara penduduk yang terpaksa merobohkan rumah dan membenarkan tanahnya diambil untuk pembinaan projek jalan terbabit. Yang mengecewakan penduduk setempat ialah ketika pelaksanaannya tiada pengawasan daripada pihak yang berwajib agar projek dilaksana mengikut spesifikasi ditetapkan.

Di kawasan yang berpaya hanya ditimbus dengan batu-batu kecil dan pasir serta tanah yang diambil dan dikorek dari persekitarannya, sedangkan kawasan berkenaan tanahnya lembut dan berair. Sepatutnya batu-batu yang besar perlu ditimbus di bawahnya bagi mengelakkan mendapan berlaku. Begitu juga dengan semua pembetungan tiada asas yang kukuh di bawahnya, sedangkan kawasan itu berpaya dan arus airnya agak laju terutama pada musim tengkujuh. Jika dibandingkan jalan asal yang sedia ada sudah pun berusia lebih 35 tahun tetap berlaku mendapan pada jalan terbabit. Oleh itu, kami berharap pihak berwajib dapat memberi perhatian. Semoga ia dilaksanakan dengan lebih sempurna dan sistematik bagi mengelakkan pembaziran wang rakyat.

WARGA PRIHATIN, Pekan, Pahang.

Sabtu, 12 Februari, 2011

SPNB sedia bina rumah RM200,000

KUALA LUMPUR: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bersedia membina 10,000 unit rumah mampu milik setahun yang berharga **RM200,000** bagi memenuhi kehendak keluarga berpendapatan sederhana di seluruh negara. Pengerusinya, Datuk Idris Haron, berkata rumah yang dibina di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang adalah jenis pangaspuri mewah tiga bilik dan dua bilik air seluas 1,000 hingga 1,200 kaki persegi. Rumah sederhana tinggi bawah 10 tingkat itu, katanya akan dilengkapi dengan kemudahan mewah dan terkini termasuk ruang balkoni, dapur kering dan basah selain kemudahan lif, dewan serba guna dan tempat letak kereta. "Bagi kawasan luar bandar raya, rumah mampu milik harga sedemikian adalah jenis dua tingkat kerana harga tanah di kawasan berkenaan tidak tinggi berbanding di Kuala Lumpur. Apa yang nyata, kami memberi jaminan pembelian rumah SPNB adalah berbaloi dengan harga dibeli.

"Kami tiada masalah menambah pembinaan rumah kos sederhana, malah jika diberi peranan dan tanggungjawab oleh Jabatan Perumahan Negara untuk membina projek rumah yang dimaksudkan itu (harga RM200,000), kami bersedia bila-bila masa kerana kami mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam hal ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam. Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membina rumah berharga RM200,000 bagi golongan berpendapatan sederhana yang tidak mampu membeli rumah kos rendah. Sementara itu, Pengarah Komunikasi Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, menyifatkan kuota antara 20 hingga 30 peratus ditetapkan kepada pemaju perumahan membina rumah berharga RM200,000 untuk golongan berpendapatan sederhana di negeri maju seperti Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang itu sebagai wajar bagi mengelak golongan itu terus menyewa.

Katanya, antara langkah boleh mewujudkan situasi menang-memang golongan berpendapatan sederhana, kerajaan dan pemaju perumahan ialah menerusi pendekatan kerajaan menyerap beberapa kos pembangunan termasuk kos tanah dan pembinaan jalan bagi memastikan projek dibangunkan berdaya maju. "Sudah tiba masanya kerajaan memikirkan kaedah terbaik bagi memastikan setiap keluarga memiliki rumah menjelang 2020 dengan mewujudkan pengurusan perumahan seperti dinegara lain," katanya.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr Maamor Osman, pula mahukan penyediaan kuota golongan berpendapatan sederhana diwajibkan kepada kerajaan negeri mengikut keperluan di kawasan berkenaan. "Kajian lebih menyeluruh perlu dilakukan bagi setiap kawasan yang ingin dimajukan bagi memastikan tiada rakyat yang terpinggir daripada menikmati kemudahan tempat tinggal yang selesa," katanya.

Isnin, 14 Februari, 2011

MRT setanding negara maju - Warga kota yakin projek dijangka mampu tangani masalah lalu lintas

Oleh Osman Lisut manlee@NSTP.COM.MY



SEO RANG lelaki melihat dengan teliti pelan laluan MRT Lembah Klang Jajaran Sungai Buloh- Kajang yang kini dipamerkan di Mid Valley, semalam.

KUALA LUMPUR: Rata-rata warga kota melahirkan rasa kagum dengan projek Aliran Transit Massa (MRT) yang dikatakan setanding sistem pengangkutan dimiliki negara maju dan pada masa sama berharap tambang yang dikenakan tidak membebani rakyat. Pameran MRT Lembah Klang, Jajaran Sungai Buloh - Kajang anjuran Suruhanjaya

Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di Mid Valley Megamall di sini, semalam adalah pentas terbaik agensi kerajaan itu memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat serta memberi maklum balas berhubung projek terkini kerajaan. Ahli perniagaan, Wong Kee Siong, 69, berkata Malaysia sepatutnya memiliki sistem pengangkutan MRT ini lima atau enam tahun lalu kerana ketika itu lalu lintas mengalami masalah kesesakan teruk, manakala bas dan aliran transit ringan (LRT) tidak mampu menanganinya. “Saya sering ke China, Hong Kong dan Jepun, saya lihat sistem MRT begitu berkesan menangani masalah pengangkutan di sana,” katanya.

Bagi Kapten (R) Tarzizi Abdul Ghaffar, MRT dilihat ‘penyelamat’ kepada jaringan pengangkutan awam sedia ada kerana bas, teksi, LRT dan Monorel tidak mampu membawa kakitangan atau warga kota tepat pada masanya ke tempat kerja. “Saya dimaklumkan MRT ini berhubungan antara satu sama lain dan ini mempercepatkan lagi masa untuk ke tempat kerja warga kota. Sebagai contoh Kota Damansara, Pinggiran Subang, Cheras dan Kajang yang kini mempunyai kepadatan penduduk tinggi dan kebanyakannya bekerja di Kuala Lumpur. Dengan ada MRT yang bersambung di Kelana Jaya dan Ampang yang mana masing-masing memiliki pengangkutan LRT, ia akan memudahkan pengguna serta memendekkan masa perjalanan ke tempat kerja,” katanya. Suri rumah, Rosnani Mohamed, berkata MRT perlu menawarkan kadar tambang berpatutan kerana kebanyakkan penduduk Lembah Klang berpendapatan rendah. “Tidak dinafikan projek mega MRT ini membabitkan belanja yang tinggi dan saya berharap sebagai kerajaan mesra rakyat, biarlah tambang yang dikenakan mampu dibayar pengguna,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd Nur Ismail Kamal, berkata sebagai projek rakyat, menjadi tanggungjawab agensi itu merealisasikan hasrat kerajaan dan pada masa sama mahukan rakyat turut serta mengambil peluang dalam memberi idea bernes kepada SPAD untuk menilai serta bertindak sewajarnya. "Ingin saya tegaskan MRT ini bukanlah projek SPAD, sebaliknya projek kita bersama. Dalam erti kata lain SPAD ingin berkhidmat untuk semua," katanya selepas melancarkan publisiti selama tiga bulan MRT Lembah Klang di sini, semalam. Hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan Khazanah Nasional, Shahril Mokhtar. Selain Mid Valley, tujuh lokasi lain dipilih untuk pameran berkenaan ialah di Dewan Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Stesen LRT Bangsar dan pejabat SPD di Menara Dayabumi. Pameran bermula jam 10 pagi hingga 9 malam dan orang ramai boleh melihat lebih dekat lokasi laluan MRT menerusi imej satelit yang dipaparkan. Orang ramai juga boleh melayari menerusi talian bebas tol 1800-82-6868 atau laman sesawang feedback@kvmrt.com.my.

Isnin, 14 Februari, 2011

Ekonomi - MRCB calon terbaik peroleh projek ETP

Oleh Ahmad Farizal Hajat ahmadfarizal@bharian.com.my

Saham syarikat dijangka raih minat belian

PENGUMUMAN kerajaan pada lewat tahun lalu berhubung persediaan melancarkan tujuh projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) akan mengekalkan minat belian dalam beberapa syarikat berkaitan pembinaan dan pengeluar bahan binaan. Antara lain, syarikat berkaitan pembinaan seperti Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) dijangka akan menerima minat belian dalam minggu ini dan seterusnya atas jangkaan kerajaan akan melaksanakan projek seperti Greater Kuala Lumpur (Greater KL) di bawah pelan 10 tahun ETP dalam masa terdekat. Menurut penganalisis, inisiatif Greater KL saja, iaitu antara projek pembinaan yang mendapat peruntukan terbesar dalam Bajet 2011, iaitu **RM853 juta** boleh menampung kontraktor tempatan untuk tempoh lima hingga 10 tahun akan datang. Greater KL yang meliputi ibu negara dan bandar satelit di sekitarnya adalah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang akan diberi tumpuan oleh kerajaan sebagai pemacu aktiviti ekonomi yang berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Sebelas bidang NKEA lain adalah minyak dan gas, minyak sawit dan produk berkaitan, perkhidmatan kewangan, pemborongan dan peruncitan, pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi, pendidikan, elektrik dan elektronik, perkhidmatan perniagaan, penjagaan kesihatan swasta, dan pertanian. Di bawah inisiatif Greater KL, beberapa projek seperti Transit Aliran Pantas (MRT) yang bernilai RM36 bilion, pembinaan tujuh lebuh raya bertol bernilai RM19 bilion, pembangunan tanah seluas 1,320 hektar milik Lembaga Getah Malaysia (LGM) di Sungai Buloh bernilai RM10 bilion dan dua loji penjanaan kuasa arang batu bernilai RM7 bilion akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Justeru, OSK Investment Research meletakkan MRCB, iaitu kumpulan pembinaan dan kejuruteraan infrastruktur sebagai calon terbaik yang berpeluang cerah untuk memperoleh beberapa projek kerajaan di bawah ETP.

Menerusi nota penyelidikannya baru-baru ini, ia berkata, tiga projek di bawah ETP, iaitu River of Life (projek pembersihan Sungai Klang), pembangunan tanah LGM di Sungai Buloh dan Fasa 2 projek peluasan LRT yang akan dilaksanakan tahun ini adalah prospek utama projek yang akan diraih MRCB tahun ini. Projek River of Life dianggarkan bernilai sekitar RM8 bilion hingga RM10 bilion dengan Fasa 1 dianggarkan berjumlah RM1 bilion hingga RM2 bilion. Berhubung projek pembangunan tanah LGM, ia berpendapat, pelan induknya dijangka diumumkan pada pertengahan 2011. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dilantik kerajaan sebagai peneraju kepada cadangan pembangunan tanah LGM. “Difahamkan, kerajaan dan KWSP sudah menubuhkan sebuah syarikat tujuan khas (SPV), selain sudah memuktamadkan struktur terakhir berkaitan prospek projek yang akan dimajukan di atas tanah itu dan dijangkakan, pelan induk projek pembangunan tanah LGM akan diumumkan pada pertengahan tahun ini. “Berikutnya KWSP adalah pemegang saham terbesar MRCB dengan peratusan 41.9 peratus, kami percaya bahawa MRCB berpeluang cerah untuk dilantik sebagai satu daripada pemaju tanah LGM.

“Justeru, dengan keluasan sekitar 300 hektar kawasan tanah yang akan dimajukan, MRCB berada dalam landasan terbaik untuk meraih bahagian sekitar 100 hingga 200 hektar kawasan tanah,” katanya. Firma penyelidikan itu berkata, selain pembangunan tanah LGM, ia juga mendapat tahu bahawa MRCB sedang berunding dengan kerajaan untuk membangunkan secara bersama tanah seluas lima hingga enam hektar di Brickfields, Kuala Lumpur. “MRCB juga sedang berbincang untuk membeli atau membangunkan bersama sejumlah kawasan tanah utama di Petaling Jaya,” kata firma itu sambil menaikkan unjuran keuntungan bersih syarikat berkenaan bagi dua tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 dan 31 Disember 2012, masing-masing kepada RM86.6 juta dan RM101.7 juta. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, MRCB mencatatkan keuntungan bersih RM67.3 juta, meningkat 94.5 peratus daripada RM34.6 juta tempoh sama 2009.

Dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia, baru-baru ini, MRCB menyifatkan, peningkatan itu, sebahagian besarnya, disumbangkan oleh bahagian pembinaan dan kejuruteraannya dengan kemajuan kerja yang sedang dilaksanakan pula sudah menghampiri fasa terakhir. “Pertumbuhan juga disumbangkan oleh projek pembangunan hartanah yang sedang dilaksanakan kumpulan di Kuala Lumpur Sentral,” katanya. Dalam pada itu, OSK Research juga berkata, ia lebih optimistik dengan prospek hartanah yang dimiliki MRCB di KL Sentral dan menaikkan unjuran nilai tanah bagi kawasan itu kepada RM1,640 sekaki persegi daripada RM1,280 sekaki persegi sebelumnya. Firma penyelidikan itu juga menyemak semula nilai wajar saham MRCB dengan menaikkannya kepada RM2.58 daripada RM2.05 sesaham. “Berdasarkan kepada beberapa faktor positif membabitkan MRCB, kami menaikkan saranan daripada ‘neutral’ kepada ‘beli’ pada harga sasaran RM2.58,” katanya.

Selasa, 15 Februari, 2011

Jawab isu beli kapal RM6 b

LUMUT: Kementerian Pertahanan akan menjawab dengan terperinci isu pembelian enam kapal perang baru, Littoral Combat Ship (LCS) bernilai **RM6 bilion** di Dewan Rakyat kerana tidak mahu aspek berkaitan keselamatan negara terus dipolitikkan pihak tidak bertanggungjawab. Bercakap selepas mendengar taklimat dan meninjau Program Pemanjangan Jangka Hayat Kapal (SLEP) di BNS, Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di sini, semalam, menterinya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata pembangkang cuba menggambarkan seolah-olah ada unsur rasuah dalam pembelian itu, sedangkan penjelasan daripada aspek teknikal dan terperinci kapal perang berkenaan belum lagi dibuat kementerian itu. Beliau kesal pembangkang khususnya Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua, memutar belitkan isu berkaitan pertahanan dan keselamatan negara bagi tujuan politik.

Rabu, 16 Februari, 2011

Banjir jejas projek stesen PLBE

SEREMBAN: Stesen Senawang dan Sungai Gadut di projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Seremban-Gemas yang sepatutnya boleh digunakan, gagal disiapkan mengikut jadual berikutan masalah pengambilan tanah dan banjir. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata Stesen Senawang dan Sungai Gadut dijangka hanya dapat beroperasi sepenuhnya Mei depan. Sebelum ini, katanya pemaju menjangka projek itu dapat diselesaikan Disember lalu, namun tarikh beroperasi terpaksa ditangguhkan disebabkan masalah yang tidak dapat dielakkan termasuk banjir dan hak milik tanah. "Pembinaan kedua-dua stesen itu penting kerana akan membolehkan perkhidmatan komuter dan tren elektrik (ETS) yang kini tamat di Stesen Komuter Seremban, dilanjutkan ke kedua-dua stesen itu," katanya ketika melawat keduadua stesen itu di sini.

Mohamad berkata, pembukaan stesen berkenaan akan membantu mengurangkan kesesakan di Stesen Komuter Seremban kerana pengguna dari Senawang dan Sungai Gadut yang bekerja di Kuala Lumpur ketika ini terpaksa pergi ke Stesen Komuter Seremban. Katanya, apabila keduadua stesen itu boleh digunakan, pengguna dari kawasan berkenaan tidak lagi perlu datang ke Stesen Komuter Seremban. Beliau berkata, keduadua stesen itu menggunakan konsep 'park & ride' dengan lebih 100 petak letak kenderaan disediakan dan jumlah itu akan ditambah pada masa depan bergantung kepada keperluan. Berikutan masalah banjir di kawasan Stesen Sungai Gadut, katanya kerajaan negeri dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan menjalankan kerja mendalamkan sungai di kawasan itu. Mohamad berkata, kos keseluruhan projek antara Seremban ke Gemas sepanjang 98 kilometer adalah lebih RM3.4 bilion dan dijalankan oleh kontraktor IRCON International bermula 18 Januari 2008. Katanya, pembinaan stesen baru itu juga mengambil kira keperluan orang kurang upaya (OKU) serta infrastruktur asas lain bagi kemudahan awam termasuk lif, tandas, sistem hebahan maklumat, surau dan sistem kawalan keselamatan CCTV.

Rabu, 16 Februari, 2011

Majlis Perbandaran Hang Tuan Jaya cipta sejarah

A YER KEROH: Majlis Perbandaran Hang Tuan Jaya (MPHTJ) di sini, mencipta sejarah apabila mengutip **hasil cukai sebanyak RM23 juta** sepanjang tahun lalu, walaupun baru setahun beroperasi, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam. Beliau berkata, hasil kutipan itu adalah pendapatan utama pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan yang akan digunakan untuk menjalankan operasi perkhidmatan dan pembangunan untuk masyarakat di kawasan pentadbirannya. "Pencapaian itu amat memberangsangkan dan kita berharap ia akan terus meningkat tahun ini," katanya pada perhimpunan bulanan pentadbiran kerajaan negeri di Dataran Seri Negeri, di sini. Teks ucapannya dibacakan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Wira Omar Kaseh. Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Wira Othman Muhamad; Exco kerajaan negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Datuk Meor Hashimi Abdul Hamid; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Naim Abu Bakar dan Yang Dipertua MPHTJ, Sapiah Haron.

Mohd Ali berkata, MPHTJ setakat ini juga sudah memperoleh peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berjumlah RM6.7 juta bagi melaksanakan kerja menaik taraf sistem perparitan, medan selera dan projek infrastruktur serta industri. Selain itu, katanya, peruntukan RM30 turut diterima bagi menaik taraf Taman Botanikal, pembinaan Taman Burung, selain pembinaan boardwalk, menaik taraf lanskap sepanjang sungai, membaik pulih chalet dan menara tinjau serta sistem pencahayaan di Taman Seri Bunga. "Kerajaan negeri berharap, projek pembangunan ini dapat meningkatkan perkhidmatan sedia ada kepada penduduk setempat dan masyarakat selaras dengan misi dan visi MPHTJ," katanya.

Mohd Ali turut meminta MPHTJ memberi tumpuan kepada industri berteknologi tinggi bagi membantu mewujudkan lebih ramai tenaga kerja mahir di negeri ini, selain perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Selain itu, katanya, pembangunan industri berdasarkan teknologi maklumat juga perlu diberi perhatian sama kerana ia turut membantu meningkatkan kemahiran sesuai dengan peranan sektor berkenaan di negeri ini. "Di samping itu, ciri bandar selamat sudah dilaksanakan MPHTJ. Satu daripadanya adalah pemasangan 17 sistem litar kamera tertutup (CCTV) di kawasan terlindung dan membahayakan orang ramai. "Malah, saya juga dimaklumkan, MPHTJ sedang mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kemudahan jalur lebar di kawasan pentadbirannya bagi kemudahan orang ramai," katanya.

Khamis, 17 Februari, 2011

Sabah batal bina loji arang batu jana elektrik

KOTA KINABALU: Kerajaan Sabah membatalkan cadangan membina loji arang batu yang mampu menjana 300 Megawatt (MW) tenaga elektrik bernilai kira-kira **RM1.3 bilion** oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB) di Felda Sahabat dekat Lahad Datu yang tertangguh sejak tiga tahun lalu. Sebaliknya, kerajaan negeri akan membenarkan TNB menggunakan gas atau gas cecair asli (LNG) sebagai sumber tenaga alternatif bagi meningkatkan keperluan tenaga negeri ini. Mengumumkannya selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet negeri di sini, semalam, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini. "Kami mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan kerana prihatin terhadap keadaan di Sabah. Kerajaan negeri menerima banyak bantahan, terutama daripada pertubuhan bukan kerajaan berhubung projek itu," katanya.

Musa berkata, Najib juga meminta TNB, Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan Petronas membincangkan kaedah terbaik untuk menjamin kelangsungan pembekalan tenaga elektrik di negeri ini. "Perdana Menteri memahami bahawa sementara kita perlu meningkatkan keupayaan bekalan tenaga di negeri ini, ia tidak boleh dilakukan dengan mengabaikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar," katanya. Projek itu pada mulanya dicadangkan dibina di Teluk Darvel, Lahad Datu, tetapi ditolak kerajaan negeri atas alasan ia dibimbangi menjelaskan alam sekitar dan kesihatan masyarakat sekitarnya. TNB kemudian mencadangkan satu kawasan di Sandakan, tetapi sekali lagi ditolak kerajaan negeri. Najib kemudian mengumumkan projek itu akan dibina di Felda Sahabat, pada akhir 2009 bagi membantu menyediakan keperluan bekalan tenaga negeri, sekali gus menjamin pertumbuhan ekonomi di kawasan berkenaan. Sementara itu, Musa berkata, kerajaan negeri tidak mengiktiraf tindakan bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Datu Mohd Akjan Ali Muhammad mengisyiharkan dirinya sebagai Sultan Sulu, minggu lalu. Sehubungan itu, Musa meminta polis menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya.

Khamis, 17 Februari, 2011

RM2.8 j urus pusat pelupusan

A YER KEROH: Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mahu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) membelanjakan **RM2.8 juta** setahun atau RM240,000 sebulan bagi mengatasi masalah pencemaran bau di pusat pelupusan sampah di Krubong dekat sini. Katanya, syarikat pengurusan sampah, SWM Environment Sdn Bhd (SWM) hanya mampu menggunakan 40 lori tanah sehari untuk melakukan kerja penimbasan sampah di tapak berkenaan. "Jadi, saya sudah mengarahkan Datuk Bandar MBMB menambah 100 lori tanah lagi dengan kos RM80 bagi sebuah lori dan ini bermakna kerajaan negeri perlu membelanjakan RM8,000 sehari atau RM240,000 sebulan atau RM2.8 juta setahun hanya untuk menimbus sampah di sini," katanya selepas mengadakan lawatan ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Bukit Beruang dekat sini.

Jumaat, 18 Februari, 2011

Batal saman kes PKFZ gagal

KUALA LUMPUR: Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (PKA), Datuk Lee Hwa Beng, gagal dalam permohonannya untuk membatalkan saman bekas Ketua Pegawai Eksekutif Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB), Datuk Seri Tiong King Sing terhadapnya berhubung isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk John Louis O'Hara menolak permohonan Lee dengan kos RM5,000 dan mengarahkan supaya kes itu didengar secara perbicaraan penuh. Pada 17 September 2009, Tiong memfailkan saman fitnah mendakwa Lee pada 26 Ogos 2009 mengucapkan dan menyatakan perkataan fitnah terhadapnya kepada beberapa wartawan termasuk akhbar The Star dan The New Straits Times. Tiong yang juga Ahli Parlimen Bintulu berkata, perkataan itu pada penggunaan lazim dan maksud biasa memberi makna bahawa beliau adalah pihak kepada konspirasi jenayah bersama beberapa yang lain dan bersalah kerana pecah amanah.

Beliau berkata, perkataan-perkataan itu bertujuan untuk memperkecilkan kedudukannya, profesion, perdagangan dan perniagaan. Katanya, peguamnya mengeluarkan surat tuntutan kepada Lee meminta Pengerusi PKA itu menyatakan permohonan maaf dan berjanji tidak mengulangi dakwaan itu, tetapi sehingga kini Lee enggan memenuhi tuntutan terbabit. Tiong memohon ganti rugi am dan ganti rugi teladan, kos dan relif lain yang sesuai ditentukan mahkamah. Lee, dalam pernyataan pembelaan yang difaiklan pada 9 November 2009, berkata beliau menggunakan perkataan yang diadukan atas arahan majikannya, PKA dan Tiong tidak mempunyai sebab untuk mengambil tindakan terhadapnya.

Jumaat, 18 Februari, 2011

Keseluruhan MRR2 kini di bawah pengurusan JKR

KUALA LUMPUR: Pengurusan Jalan Lingkaran Tengah Dua (MRR2) sejauh 45.3 kilometer (km) yang sebelum ini dibahagikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kerja Raya (JKR), sudah diambil alih sepenuhnya JKR, bulan lalu. Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor, berkata keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Kabinet pada 19 Januari lalu yang meluluskan JKR mengambil alih pengurusan dan penyelenggaraan MRR2 dari DBKL. Katanya, keputusan Kabinet itu akan memudahkan JKR mengurus dan menyelenggara MRR2 kerana sebelum ini ada segmen tertentu di bawah bidang kuasa DBKL sehingga menyukarkan usaha menyelenggara segmen tertentu pada jalan berkenaan. "Sebelum ini ada pengguna mengadu kepada JKR memaklumkan ada segmen MRR2 yang bermasalah tetapi setelah disiasat, segmen itu berada di bawah bidang kuasa DBKL... begitu juga sebaliknya. "Selepas ini jika wujud masalah atau kerosakan pada MRR2, pengguna boleh membuat aduan terus ke JKR supaya tindakan susulan boleh diambil kerana jalan itu kini di bawah bidang kuasa JKR sepenuhnya," katanya pada sidang media selepas melawat MRR2, semalam. Shaziman berkata, kementerian memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi menyelenggara MRR2 pada tahun ini untuk kerja menaik taraf dan membaiki kerosakan seperti menurap lubang, memasang besi penghadang dan memperbaiki sistem saliran bagi keselesaan serta keselamatan pengguna.

"Kerja menaik taraf ini juga disebabkan perbuatan vandalisme yang tinggi pada MRR2 terutama kehilangan besi penghadang dipercayai akibat dicuri pihak tidak bertanggungjawab. "Kita meminta jasa baik pengguna MRR2 melaporkan kepada JKR jika melihat kegiatan mencurigakan pihak tertentu seperti menyamar sebagai kontraktor membaiki jalan atau besi penghadang," katanya. Shaziman berkata, kementerian akan memasang lampu pancaran diod (LED) di sepanjang MRR2 dan Lebuhraya Persekutuan antara Kuala Lumpur sehingga ke Subang yang dijangka dilaksanakan akhir bulan depan.

Ahad, 20 Februari, 2011

PM lancar projek tram

AYER KEROH: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan projek pembinaan Tram Melaka, sejenis kenderaan pengangkutan tram menggunakan gas cecair asli (NGV) pertama dunia di sini, petang semalam. **Projek membabitkan kos kira-kira RM272 juta** ini adalah yang pertama di negara ini dan dijadualkan siap pembinaannya pada Mei 2012. Ia dibangunkan secara usaha sama antara MRails dan Chief Minister Diperbadankan (CMI), sayap pelaburan kerajaan negeri. "Apabila siap nanti projek ini akan menjadi ikon bukan saja kepada sektor pelancongan di Melaka, malah Malaysia sendiri," katanya yang turut menyatakan rasa bangga kerana teknologi pengangkutan itu dihasilkan rakyat negara ini. Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said; Pengerusi MRails merangkap Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Sultan Ahmad Shah.

Ahad, 20 Februari, 2011

Pembiayaan projek tebatan banjir diteliti

PAGOH: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan meneliti kaedah terbaik pembiayaan projek tebatan banjir di Johor terutama membabitkan Sungai Muar bagi memastikan ia dijalankan secepat mungkin dalam usaha mengelak bencana banjir berulang di kawasan berkenaan. Timbalan Perdana Menteri berkata, projek tebatan banjir perlu disegerakan kerana kerosakan kini mencecah berbilion ringgit. "Reka bentuk dan pelan sudah disediakan, cuma soal pembiayaan iaitu kita sudah merujuk kepada Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan," katanya selepas Majlis Penerimaan Sumbangan dan Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir Parlimen Pagoh di Kompleks Seri Pekembar, di sini, semalam.

Sementara itu di JOHOR BAHRU, Muhyiddin ketika berucap pada majlis sambutan Jubli Emas 50 Tahun Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Jaafar di Persada Johor, semalam, berkata kerajaan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan sepenuhnya dalam meningkatkan standard pendidikan negara, sebaliknya Persatuan Alumni sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga perlu memainkan peranan masing-masing.

Ismi, 21 Februari, 2011

LZS mahu bincang isu kos bina surau

SHAH ALAM: Jawatankuasa Pembinaan Surau Al-Amin Taman Bukit Segar (PSATBS) di Cheras diminta hadir ke cawangan Lembaga Zakat Selangor (LZS) terdekat bagi berbincang mengenai pembinaan surau itu yang kini tertangguh berikutan kekurangan dana. Ketua Komunikasi Korporat LZS, Akhtar Sahari, berkata pihaknya sedia berbincang mengenai permohonan yang dikemukakan kepada LZS sebelum ini bagi memastikan bantuan dapat disalurkan secepat mungkin. Beliau merujuk kepada laporan Sentral pada 15 Februari lalu berhubung aduan penduduk Islam di Taman Bukit Segar di Cheras yang sudah menetap di kawasan perumahan itu sejak lima tahun lalu terpaksa membina surau atas inisiatif sendiri selepas pemaju `lepas tangan'. **Pembinaan surau berharga kira-kira RM400,000** sepatutnya disiapkan pemaju sebaik Taman Bukit Segar mula didiami pada 2005 tetapi tidak menjadi kenyataan menyebabkan penduduk terpaksa membuat kutipan derma. Penggerusi PSATBS, Mahmud Abas dilaporkan berkata ketiadaan surau di taman itu menyebabkan penduduk Islam terpaksa menggunakan surau berdekatan yang hanya boleh memuatkan 40 jemaah pada satu-satu masa. Penduduk taman itu, Mohd Azhan Mohd Amin pula berkata, LZS sebelum ini bersetuju menyumbangkan RM45,000 kepada Surau Al-Amin namun hanya akan berbuat demikian selepas kerja pembinaan mencapai 70 peratus.

Ismi, 21 Februari, 2011

RM4 b keuntungan simpanan, KWSP masih tidak dituntut

BACHOK: Sebanyak **RM4 bilion**, hasil keuntungan yang diperoleh daripada simpanan di institusi kewangan dan dana persaraan di negara ini masih tidak dituntut pemilik dan waris, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin. Beliau percaya sebilangan besar daripada mereka tidak mengetahui adanya wang berkenaan, yang antaranya diperoleh daripada keuntungan wang simpanan individu di bank konvensional dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). "Wang yang tidak dituntut itu kini disimpan Akauntan Bank Negara Malaysia (BNM), saya berharap pihak terbabit membuat semakan di cawangan bank berdekatan untuk mendapatkan kembali wang masing-masing," kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah kepada 83 penduduk di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) kelolaan RISDA Kelantan di Kampung Lati Hilir di sini, semalam. Beliau berkata, pemilik atau pewaris perlu mengemukakan dokumen berkaitan untuk dipertimbangkan ketika membuat tuntutan wang berkenaan. "Jika didapati wang itu masih lagi tidak dituntut dalam tempoh tertentu kerajaan mungkin akan meminjamnya bagi tujuan pembangunan bagi faedah rakyat," katanya yang juga Timbalan Penggerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan. Mengenai PBR, Awang Adek berkata, UMNO Kelantan berharap kerajaan pusat dapat mengekalkan peruntukan RM18 juta sebagaimana yang diluluskan kepada RISDA Kelantan sepanjang tahun lalu. Katanya, peruntukan itu penting untuk membantu hampir 1,000 penduduk miskin supaya mereka dapat memiliki rumah sendiri dan membaik pulih rumah yang hampir roboh. Awang Adek berkata, rakyat Kelantan perlu berterima kasih kepada kerajaan pusat yang tidak pernah meminggirkan mereka, malah memberi layanan yang istimewa walaupun Kelantan diperintah pembangkang. Katanya, sebilangan penduduk mendapat bantuan PBR dengan memiliki rumah baru bernilai RM33,000 secara percuma.

Selasa, 22 Februari, 2011

RM492 j bayar ejen perpaduan masyarakat

MERLIMAU: Kerajaan memperuntukkan sebanyak **RM492 juta** bagi membiayai pembayaran elauan untuk 47,995 ejen perpaduan dan pembangunan masyarakat yang membabitkan guru kelas al-Quran dan fardu ain (KAFA), guru takmir dan pegawai syarak seluruh negara sepanjang tahun ini. Jumlah itu membabitkan bayaran penambahan elauan kepada golongan berkenaan selepas pengumuman mengenainya dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada pembentangan Bajet 2011, Oktober tahun lalu. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM361.9 juta diperuntukkan untuk membayar elauan guru KAFA, manakala RM32.7 juta (guru takmir) dan RM128.3 juta (pegawai syarak membabitkan imam satu, imam dua, imam tiga, bilal, noja dan pengurus jenazah wanita). "Pertambahan pemberian peruntukan elauan kepada semua golongan berkenaan sebagai tanda penghargaan pihak kerajaan atas sumbangan dan pengorbanan mereka," katanya pada majlis perasmian Program Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam di Merlimau, semalam.

Selasa, 22 Februari, 2011

Isu kos bina jejantas diperjelas

KUALA LUMPUR: Pihak yang mendakwa jejantas yang menghubungkan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan Hotel Impiana di sini sebagai mahal seharusnya membuat kajian sebelum mengatakan ia membazirkan wang rakyat. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail, berkata jika dibandingkan dengan jejantas lain sama ada di bandar raya ini atau di Hong Kong dan Singapura, jejantas yang didakwa mahal itu jauh lebih murah. "Sebelum ini, ada jejantas lain yang lebih mahal seperti di Berjaya Times Square, Jalan Imbi yang membabitkan **kos RM13,900 setiap kaki persegi** dengan panjang hanya 48 meter, berbanding jejantas KLCC sepanjang 152 meter dengan kos RM12,500 bagi satu kaki persegi. "Jejantas itu dibina dengan kemudahan canggih demi memastikan keselamatan pejalan kaki dan mengikut gred serta standard kawasan sekitarnya. Oleh kerana ia terletak di tengah bandar raya dengan tumpuan pelancong, ia perlu dilengkapi kemudahan lengkap bagi mencegah jenayah seperti ragut," katanya.

Jejantas yang membabitkan **kos RM10 juta** itu dibina dengan kemudahan pendingin hawa, kamera litar tertutup (CCTV) yang dihubungkan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), empat tangga bergerak atau eskalator dengan kawalan kelajuan automatik dan satu lif hidraulik. Katanya, dakwaan yang mengatakan projek berkenaan membazirkan wang rakyat tidak benar kerana ia ditanggung sepenuhnya oleh anak syarikat Petronas iaitu KLCC (Holdings) Sdn Bhd. "Kerajaan atas persetujuan Petronas memperuntukkan RM100 juta sebagai tanggung jawab sosialnya untuk membina jejantas dan pejalan kaki di sekitar bandar raya dan sebanyak RM10 juta untuk jejantas ini," katanya. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KLCC Holdings Sdn Bhd, Hashim Wahir, berkata jejantas berkenaan dibina berdasarkan beberapa kriteria dan keadaan persekitarannya. "Kawasan Jalan Pinang dan Kia Peng adalah kawasan sesak dengan kenderaan, ditambah dengan kerja pembinaan yang giat berjalan.

Boleh dikatakan ia kurang bersih tambahan pula kawasan berkenaan kecil. "Berdasarkan semua ciri ini, jejantas bertutup dengan kelengkapan penghawa dingin. Pemilihan kontraktor juga adalah ketat berdasarkan kewibawaan masing-masing," katanya. Projek jejantas itu akan diteruskan dengan pembinaan fasa kedua dari Jalan Pinang dan Jalan Kia Peng ke Jalan Raja Chulan. Projek berkenaan akan menjadi perintis bagi pembinaan jejantas yang akan menghubungkan bangunan yang ada di Jalan Perak, Jalan P Ramlee dan Jalan Sultan Ismail. "Projek ini akan turut menghubungkan kawasan Bukit Bintang ke KLCC pada masa depan. Apabila projek ini siap kelak, orang ramai boleh berjalan dari Bukit Bintang ke Stesen LRT KLCC melalui laluan bertutup," katanya.

Selasa, 22 Februari, 2011

BNM yakin pertumbuhan ekonomi capai sasaran

GABENOR Bank Negara Malaysia, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz mengulangi keyakinannya bahawa Malaysia akan mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi antara lima hingga enam peratus tahun ini. Katanya, Bank Negara tidak pernah berganjak daripada sasaran pertumbuhan KDNK yang pernah disebutkan sebelum ini. "Kami mempunyai keyakinan tinggi bahawa angka yang akan dicapai berada dalam julat berkenaan," katanya selepas melancarkan Platform Kewangan Islam Komprehensif Bloomberg di Kuala Lumpur, semalam. Jumaat lalu, BNM mengumumkan pertumbuhan KDNK Malaysia tahun lalu mencatatkan sebanyak 7.2 peratus, mengetepikan Singapura untuk menjadi ekonomi ketiga terbesar di Asia Tenggara. Peningkatan pertumbuhan itu juga dicerminkan oleh pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) yang meningkat 12 peratus sejak lebih 12 bulan lalu. Walaupun, berlaku peningkatan ringgit namun Bank Negara, katanya sentiasa memastikan tukaran asing negara berfungsi secara teratur. "Kita mempunyai aliran masuk dan keluar, walaupun ringgit meningkat secara beransur-ansur, ia berlaku dalam keadaan yang sangat teratur," katanya.

Mengenai terdapat keperluan menaikkan kadar faedah bagi menangani inflasi pada tahun ini, Zeti berkata, pihaknya perlu mengambil kira secara terperinci semua risiko langkah berkenaan terhadap pertumbuhan ekonomi sebelum melaksanakan apa juga perubahan dasar kewangan. "Ia bergantung ke atas apakah risiko yang berkaitan dengan inflasi jika dibandingkan dengan risiko kepada pertumbuhan ekonomi. Mengenai kemungkinan kenaikan Keperluan Rizab Berkanun (SRR), Zeti berkata, pihaknya akan membuat penilaian mengenai keperluan berkenaan. "SRR ialah instrumen dasar monetari bagi mengurus kecairan dan jika keperluan berbangkit, ia menjadi antara instrumen yang boleh digunakan," katanya. Zeti berkata, Malaysia, Hong Kong dan Australia adalah antara tiga negara yang mempunyai pasaran sekuriti hutang swasta yang besar berbanding pasaran sekuriti hutang kerajaan. "Malaysia mempunyai pasaran sekuriti hutang korporat yang signifikan, membabitkan konvensional dan sukuk," katanya.

Selasa, 22 Februari, 2011

RM1.5j bagi bina 476 rumah Orang Asli

PUTRAJAYA: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memperuntukkan kira-kira **RM1.5 juta bagi membina 476 unit rumah untuk masyarakat Orang Asli** di seluruh negara pada tahun ini. Menterinya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata pembinaan rumah yang membabitkan kos sebanyak RM33,000 bagi setiap unit akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertahanan kerana kementerian itu mempunyai peralatan dan kemudahan yang diperlukan untuk tujuan berkenaan. "Pada tahun ini, kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan untuk membina rumah untuk Orang Asli di seluruh negara. "Selain memiliki segala kemudahan dan peralatan, kerjasama ini juga mampu menjimatkan kos pembinaan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Orang Asli, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Ibrahim Muhamad dan Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Datuk Mohd Sani Mistam. Selain itu, Mohd Shafie berkata, kementerian menetapkan sasaran untuk menghantar lebih ramai pelajar Orang Asli menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan luar negara. Katanya, sepanjang tahun lalu sebanyak 67 pelajar atau 79 peratus daripada 85 pelajar Orang Asli yang mengemukakan permohonan berjaya menyambung pengajian di IPT tempatan berbanding hanya 43 pelajar atau 65 peratus daripada 66 pelajar yang membuat permohonan tahun sebelumnya. Justeru, beliau berkata, tahun ini pihaknya menetapkan sasaran 90 peratus daripada jumlah pelajar Orang Asli yang mengemukakan permohonan mampu menyambung pengajian masing-masing di IPT tempatan. Mengenai mesyuarat itu, Mohd Shafie berkata ia membincangkan pelbagai isu membabitkan masyarakat Orang Asli khususnya dalam bidang pendidikan, kesihatan, ekonomi dan kebudayaan serta infrastruktur. "Kementerian baru meningkatkan lagi usaha yang sudah dilaksanakan tahun lalu kerana ia amat penting bagi meningkatkan lagi kemajuan masyarakat Orang Asli dalam pelbagai bidang," katanya.

Jumaat, 26 Februari, 2011

RM30j untuk program transformasi, modenkan kedai runcit koperasi

SURUHANJAYA Koperasi Malaysia (SKM) memperuntukkan **dana berjumlah RM30 juta** di bawah program Transformasi kedai Runcit (TUKAR) bagi memodenkan kedai runcit koperasi sedia ada. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata peruntukan RM10 juta disediakan oleh kerajaan manakala tambahan RM20 juta disediakan oleh SKM sendiri. "Program TUKAR itu membabitkan kerja mengubah suai kedai, pembelian peralatan dan perkakasan serta menaik taraf sistem IT (teknologi maklumat) yang diguna pakai," katanya di Kuala Lumpur baru-baru ini. Ismail berkata, sebanyak 100 kedai runcit koperasi dijangka mendapat manfaat daripada program itu dalam tempoh dua tahun akan datang. Selain itu, menurut Ismail, kementerian telah menetapkan sasaran pewujudan sekurang-kurangnya sebuah pasar raya koperasi di setiap negeri dalam jangka panjang. Sebanyak 1,680 koperasi terbabit dalam aktiviti kepenggunaan, dengan keanggotaan 547,000 orang dan modal berjumlah RM218 juta. Sebanyak 897 daripada koperasi itu mempunyai kedai runcit.

Ismail juga menyeru anggota koperasi bergabung dalam mewujudkan pusat pengedaran supaya mempunyai kuasa untuk membeli barang secara pukal dan boleh bersaing dengan pasar raya besar. "Saya juga dimaklumkan bahawa 17 daripada koperasi yang diberikan lesen telah pun bergerak aktif dan dengan sokongan padu rangkaian kedai runcit koperasi di persekitarannya, telah berjaya membuat jualan berjumlah RM20.54 juta dalam tempoh sebelas bulan pertama tahun ini," katanya.

Isnin, 28 Februari, 2011

RM9.25 juta baiki sistem bekalan air

TEMERLOH: Kira-kira 400 penduduk Kampung Batu Sawar dan sekitarnya dekat sini, boleh menarik nafas lega apabila **Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan berjumlah RM9.25 juta** bagi menaik taraf sistem bekalan air yang merentasi beberapa perkampungan tradisional di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kerdau. Berita baik itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada majlis ringkas ketika beramah mesra bersama kira-kira 300 penduduk Kampung Batu Sawar, petang semalam. "Kerajaan menyedari dan prihatin terhadap masalah bekalan air yang dihadapi penduduk di kawasan ini. "Sehubungan itu, saya mengumumkan kerajaan sudah meluluskan peruntukan RM9.25 juta bagi menaik taraf sistem perbekalan air kepada penduduk di sini," katanya. Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan calon Barisan Nasional (BN), Syed Ibrahim Syed Ahmad. Najib berkata, peruntukan itu bagi membina pam loji di Batu Sawar dianggarkan menelan kos RM250,000 dan penggantian paip dari Rumpun Makmur ke Kampung Kerai sejauh 29 Kilometer (RM9 juta). Kedah taja kos pulang, wang saku pelajar Mesir.

ALOR SETAR: Kerajaan Kedah akan menaja kos penerbangan pulang selain memberi wang saku RM500 seorang kepada lebih 800 pelajar Kedah di Mesir yang pulang ke tanah air menerusi Ops Piramid 3 hingga 11 Februari lalu. Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak, berkata kerajaan negeri sudah menyewa tiga kapal terbang Egypt Air untuk membawa pulang kumpulan pelajar berkenaan menerusi empat penerbangan bermula 5 hingga 10 Mac ini dengan kos keseluruhan bernilai RM2.5 juta. Beliau berkata, kerajaan negeri turut menyediakan tiga bas untuk membawa kumpulan pelajar yang akan berkumpul di Dataran Wisma Darul Aman sebelum ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum diterbangkan ke Kaherah. "Perkara ini akan diuruskan Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) bermula 5 Mac ini dengan setiap penerbangan membawa kira-kira 222 pelajar selain memberi wang saku RM500 kepada mereka. "Semua pelajar berkenaan boleh mendaftar di YINK untuk menyemak tarikh penerbangan masing-masing dan mengambil wang saku berkenaan," katanya pada sidang media selepas Majlis Perjumpaan Pelajar Kedah di Mesir di sini, semalam. Azizan berkata, Kerajaan Kedah menjadi kerajaan negeri pertama yang melakukan penghantaran terus pelajarnya ke Kaherah tanpa perlu ke Jeddah, bagi memudahkan urusan pelajar terbabit. "Justeru, kita berharap selepas ini semua pelajar Kedah di Mesir supaya mendaftar dengan YINK kerana ia penting bagi memudahkan tindakan sekiranya berlaku konflik dan ketegangan di negara berkenaan," katanya. Azizan berkata, pelajar tajaan MARA dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dikecualikan daripada menerima tajaan kos pulang ke Mesir berkenaan kerana dua agensi berkenaan sudah menyediakan perancangan untuk pelajar tajaan mereka. Difahamkan, secara keseluruhannya seramai 1,116 pelajar Kedah menuntut di Mesir.